VOL. 6 (1) | JUN 2026: 204-227
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 25 Ogos 2025 Diterima: 20 Mac 2026 Atas talian: 30 Jun 2026

FAKTOR PENDORONG DAN CABARAN MENYAMBUNG PENGAJIAN TINGGI DALAM KALANGAN GENERASI Z DI MALAYSIA: SATU KAJIAN RINTIS

MOTIVATING FACTORS AND CHALLENGES IN PURSUING HIGHER EDUCATION AMONG GENERATION Z IN MALAYSIA: A PILOT STUDY

[i]Fadzil Sohar, Mohd Farhan Md Ariffin*, Qurratu' Wardiah Makmor, Nur Munawwarah Azizi, Nur Syafiqah Husnina Ahmad & 'Isya An-Nashrah Azhar

[i]Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

Corresponding Author; e-mail: *farhan.ariffin@ukm.edu.my*

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v6.293

ABSTRAK

Era moden kini yang bercirikan teknologi pesat dan cabaran globalisasi, kecenderungan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam kalangan generasi Z menjadi topik penting dalam perbincangan pendidikan. Dalam laporan media arus perdana, dilaporkan bahawa lebih 10,000 pelajar sengaja tidak hadir ke peperiksaan akhir Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2024. Begitu juga ada hasutan daripada pempengaruh jelek yang meniupkan slogan tidak masuk universiti pun boleh kaya. Hal ini memberi gambaran tentang tenatnya nilai intelektual pemuda di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi pelajar terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk melanjutkan pelajaran termasuklah peranan ibu bapa dan keluarga, prospek pekerjaan serta keinginan meningkatkan ilmu pengetahuan. Kajian rintis ini turut mengenal pasti cabaran yang dihadapi pelajar seperti masalah motivasi diri, pengurusan masa antara akademik dan aktiviti kokurikulum dan tuntutan adaptasi terhadap teknologi pembelajaran digital. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan soal selidik yang melibatkan sampel rintis, 30 orang pelajar sekolah menengah secara rawak di Malaysia. Hasil analisis data menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa merupakan faktor dominan yang mendorong pelajar menyambung pengajian, kemudian diikuti oleh peluang kerjaya dan minat untuk menambah ilmu. Cabaran utama yang dihadapi pelajar pula berkait dengan intrapersonal terutamanya pengekalan motivasi diri dan pengurusan masa. Dapatan kajian ini dapat memberi implikasi kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dalam merangka strategi sokongan yang efektif bagi meningkatkan kecenderungan generasi Z untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Kata kunci: Generasi Z, pendidikan tinggi, faktor pendorong, cabaran pelajar, motivasi.

ABSTRACT

In today's modern era characterized by rapid technological advancement and the challenges of globalization, the tendency to pursue higher education among Generation Z has become an important topic in educational discourse. Reports in mainstream media revealed that more than 10,000 students deliberately did not attend the final Malaysian Certificate of Education (SPM) examination in 2024. Similarly, there have been negative influences from certain figures who promote the slogan that one can become wealthy without going to university. This reflects the concerning decline of intellectual values among Malaysian youth. Therefore, this study aims to examine students' perceptions of the factors that influence their decision to pursue further studies, including the role of parents and family, career prospects, and the desire to gain more knowledge. The study also identifies challenges faced by students, such as issues of self-motivation, time management between academics and co-curricular activities, and the demands of adapting to digital learning technologies. The research design employed a quantitative method through a survey involving a pilot sample of 30 secondary school students randomly in Malaysia. Descriptive data analysis revealed that parental influence was the dominant factor encouraging students to pursue higher education, followed by career opportunities and interest in knowledge enhancement. The main challenges faced by students were intrapersonal in nature, particularly maintaining self-motivation and managing time. The findings of this study provide implications for the Ministry of Higher Education in formulating effective support strategies to enhance Generation Z's inclination to pursue higher education.

Keywords: Generation Z, higher education, influencing factors, challenges, student motivation.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu pelaburan penting dalam pembentukan modal insan berkualiti. Fungsi pendidikan dalam pembangunan sosial juga sangat penting kerana ia menyediakan nilai-nilai murni kepada masyarakat agar mereka tidak terjerumus dengan nilai-nilai keji yang merosak nilai kemanusiaan dan menghalang proses pembangunan. Dalam konteks ini, menyambung pengajian bukan hanya untuk meraih segulung ijazah, tetapi untuk menjadi manusia bertamadun, memperluaskan pengetahuan dan menyumbang kepada masyarakat dengan kemahiran tahap tinggi. Walaupun ini bukan satu perkara yang mudah dan akan adanya pelbagai liku, tetapi ia adalah batu loncatan untuk mencapai kejayaan pada tahap tertinggi.

Keperluan pendidikan, sama ada formal atau tidak formal adalah tonggak utama dalam keperluan masyarakat masa kini, terutamanya mereka yang masih muda (Nor et al., 2018). Penguasaan dalam pendidikan dan peluang melanjutkan pengajian dalam kalangan pelajar merupakan faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik daripada sebelumnya. Melalui pendidikan, masyarakat yang berilmu dapat dilahirkan dan ilmu tersebut boleh digunakan dalam alam pekerjaan dan kehidupan. Dalam erti kata yang lain, ilmu bukan sahaja membentuk manusia, tetapi ia juga boleh mengubah taraf hidup seseorang.

Oleh itu, pelajar di sekolah menengah harus bersedia membuat keputusan untuk menentukan pilihan mereka pada masa hadapan. Ini merupakan suatu cabaran signifikan dan perlu dihadapi oleh setiap individu dalam kehidupan mereka Umumnya, membuat perancangan awal untuk melanjutkan pengajian merupakan tindakan yang baik. Hal ini membantu menilai bidang pengajian yang diminati dan selari dengan keperluan pasaran kerja semasa, mempertimbangkan institusi yang sesuai dengan tahap kewangan keluarga dan menekuni struktur kurikulum ditawarkan. Pada akhirnya, bidang pengajian dipilih dapat memberi kepuasan dan menjamin kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Secara keseluruhan, menyambung pengajian dalam kalangan generasi baru bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tersebut, tetapi juga kepada masyarakat dan negara secara keseluruhan. Pendidikan berkualiti menghasilkan tenaga kerja yang berdaya tahan, kreatif dan inovatif, yang boleh memacu kemajuan negara ke peringkat yang lebih tinggi dalam arena global. Tambahan, data menunjukkan bahawa sektor pendidikan tinggi di Malaysia menyumbang nilai ekonomi yang besar, dengan lebih 143,000 pelajar antarabangsa menjana kira-kira RM 16.5 bilion setiap tahun bagi ekonomi negara, yang menegaskan peranan pendidikan tinggi sebagai pemacu ekonomi dan *multiplier effect* kepada sektor lain (Li, J., Xue, E., Wei, Y. et al. 2024). Dengan usaha bersama daripada semua pihak, generasi baru dapat melangkah ke hadapan dan menghadapi dunia yang semakin mencabar dengan lebih yakin dan bersedia untuk menempuh kehidupan yang baharu.

SOROTAN LITERATUR

Pada umumnya, definisi bagi pendidikan dalam bahasa Arab disebut sebagai *tarbiyah,* yang diambil daripada kata dasar *rabba shay',* atau *rabba'an* yang bermaksud bertambah atau tumbuh (Abdul Latif, 2006). Allah SWT menyebutkan kata *tarbiyah* dalam surah al-Rum ayat 39 yang bermaksud:

> "Dan (ketahuilah) bahawa sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan)..."

Allah SWT juga berfirman saat menerangkan sifat bumi dalam Surah al-Fussilat ayat 39, yang bermaksud:

> "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, engkau melihat bumi kosong sepi (dalam keadaan kering dan tandus), maka apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya serta suburlah tanamannya..."

Makna perkataan *tarbiyah* menurut Kamus Besar adalah membesar serta mengembung. Adapun pengertian pendidikan ialah proses pengubahan sikap dan perlakuan seseorang atau suatu kelompok orang dalam usaha untuk mendewasakan manusia melalui pengajaran serta latihan. Makna pendidikan dalam Bahasa Inggeris adalah *education* yang berasal daripada perkataan *educate* (mendidik) yang bermaksud memberi peningkatan *(to elicit, to give rise to)* dan mengembangkan *(to evolve, to develop).* Dalam erti kata lain, *education* adalah perbuatan atau proses perbuatan untuk memperoleh pengetahuan (Leod, 1989).

Kajian Akhsanul In'am, *et. al* pada tahun 2012 bertajuk '*Pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Berasaskan Metakognitif'* membincangkan tentang kepentingan pemikiran dalam pembelajaran, yang sering diabaikan, walaupun memainkan peranan dalam penyelesaian masalah matematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa model ini memenuhi kriteria kesahan, kebolehpercayaan, praktikal dan berkesan dalam meningkatkan pemahaman matematik pelajar. Selain itu, kajian lain yang dilakukan oleh Lane Parrey, Daniel Wardsworth *et. al* pada tahun 2013 bertajuk '*The Importance of Global Citizenship to Higher Education: The Role of Short-Term Study Abroad*' mengkaji tentang kepentingan kewarganegaraan global dalam pendidikan tinggi serta peranan program pengajian luar negara jangka pendek. Kajian ini menekankan bahawa pengalaman pendidikan antarabangsa harus disertai

dengan refleksi kritikal, analisis mendalam dan juga pengalaman berorientasikan tindakan untuk menghasilkan impak transformasi yang berkesan.

Di samping itu, kajian oleh Narcisz Kulcsar (2020) '*Motivation Factors for Generation Z in Higher Education*' meneliti tentang faktor-faktor motivasi Generasi Z dalam pendidikan tinggi, khususnya dalam bidang ekonomi, dengan menumpukan kepada peranan teknologi dalam maklumat serta komunikasi (ICT) dalam pembelajaran. Generasi Z yang dilahirkan dalam era digital, cenderung kepada pembelajaran yang pantas, pemprosesan maklumat secara tidak linear, *multi-tasking,* dan penggunaan teknologi yang efisien. Kajian Johanna E. Nieuwoudt pada tahun 2021 bertajuk '*Student Retention in Higher Education: Why Students Choose to Remain at University*' membincangkan pertimbangan untuk menamatkan pengajian dalam kalangan pelajar universiti, faktor yang menyebabkan mereka ingin berhenti dan sebab-sebab yang mendorong mereka untuk terus kekal di universiti. Kajian ini mendapati bahawa majoriti pelajar pernah berfikir untuk meninggalkan pengajian mereka disebabkan oleh pelbagai cabaran seperti komitmen keluarga, tekanan kewangan, pengurusan masa, bebanan akademik yang dijangkakan dan juga tuntutan kerja. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada literatur yang masih terhad mengenai sebab-sebab pelajar memilih untuk kekal di universiti walaupun berhadapan dengan cabaran yang kompleks.

Kajian oleh Liew Ying Ying pada tahun 2023 '*Critical Factors for Generations Z Intention to Pursue Higher Education'* membahaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi niat generasi Z di Malaysia untuk melanjutkan pendidikan tinggi. Penelitian ini meneliti pengaruh teman sebaya, bantuan kewangan, motivasi dan pengaruh keluarga terhadap keputusan Generasi Z dalam mengejar pendidikan tinggi.

Tambahan pula, kajian oleh Shubham Joshi *et al* pada tahun 2021 dalam tulisannya *'Evaluating Artificial Intelligence in Education for Next Generation'* membahas tentang transformasi dalam proses pendidikan yang beralih daripada penilaian tradisional yang di mana guru menilai pelajar berdasarkan kriteria seperti disiplin, kreativiti, kecepatan pembelajaran dan juga kepatuhan yang sering kali terjejas oleh bias kepada pendekatan yang lebih inovatif dengan integrasi kecerdasan

buatan (AI) dalam pendidikan. Kajian lain yang dilakukan oleh Lorenz S Neuwirth *et al* (2021) dalam *Journal of Adult and Continuing Education* membincangkan tentang bagaimana kesan pandemik COVID-19 telah mendorong pelajar dan tenaga pengajar untuk beradaptasi dengan peralihan mendadak daripada pengajaran bersemuka kepada pengajaran jarak jauh melalui bilik darjah dalam bentuk maya dengan penekanan bahawa walaupun banyak kampus telah melatih tenaga pengajar untuk mengekalkan kualiti kurikulum, latihan khusus untuk pelajar kurang mendapat perhatian, walaupun mereka menghadapi cabaran yang sama dalam menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

Kajian Sheron Bausman pada tahun 2023 yang berjudul '*Individual Benefits of Continuing Higher Education. The Case of a Swiss Business School'* mengkaji faedah peribadi yang diperoleh daripada kursus pendidikan tinggi berterusan yang ditawarkan oleh sekolah perniagaan, dengan menekankan kepentingan pembelejaran seumur hidup dalam menghadapi perubahan keperluan profesional.

Kajian yang dilakukan oleh Michael Osborne pada tahun 2024 dalam artikel '*The Benefits of University Adult Learning*' membincangkan tentang perdebatan berpanjangan mengenai pembelajaran seumur hidup yang merangkumi aspek ekonomi serta bukan ekonomi seperti sumbangannya kepada kesihatan, kesejahteraan dan solidariti sivik.

Daripada semua kajian awal yang telah dilakukan ini, dapat dilihat bahawa kajian-kajian berkenaan relevansi pengajian tinggi merupakan bidang tujahan utama dalam kalangan penyelidik. Hal ini juga tidak dikaji secara agresif di Malaysia, mewujudkan jurang kajian terhadap minat pelajar sekolah generasi Z untuk menyambung pengajian di Malaysia.

Menurut pemerhatian terhadap wacana awam, wujud kebimbangan mengenai *trend* lepasan SPM yang menolak pendidikan tinggi demi mengejar pendapatan segera dalam ekonomi gig. Fenomena ini sering dikaitkan dengan salah faham mengenai konsep kebebasan kewangan di mana golongan muda mungkin terdedah kepada risiko pekerjaan tanpa perlindungan sosial jangka panjang (Jabatan Perangkaan Malaysia DOSM, 2023).

Ini diburukkan lagi dengan pempengaruh muda dangkal yang menyeru pemuda terus mencari duit dan kekayaan ketika masih muda, tidak perlu masuk universiti yang tiada jaminan kerja, membazir masa, ilmu di mana-mana, universiti adalah kilang duit dan sebagainya, membuatkan ramai generasi muda yang terpengaruh. Hal ini dapat disimpulkan sebagai biawak hidup hasil buangan universiti atas sifatnya sendiri yang cuba mengajak orang lain sama-sama masuk ke dalam sarang kotornya, sedangkan biawak itu sendiri hidup dengan membuat *paid review* produk sampah dan hidup popular atas kontroversi bodoh. Mereka juga boleh diibaratkan seperti syaitan manusia yang menyeru manusia kepada kejahilan.

Tambahan, ada juga figura artis bukan arus perdana yang kuat mempromosikan kekayaan walaupun gagal Sijil Pelajaran Malaysia. Ini juga dapat disifatkan sebagai syaitan dalam kalangan manusia yang menyeru kepada pembodohan akal, kejahilan dan keruntuhan akhlak. Ironinya, figura tersebut menjalankan perniagaan dengan mengupah tenaga kerja pakar bidang untuk menjayakan usahanya. Secara rumusannya, ilmu bukan sahaja penting dalam kehidupan individu, malahan ia juga menjadi teras kepada pentadbiran negara yang berkesan. Kekayaan yang ada boleh habis dalam sekelip mata, namun ilmu yang dimanfaatkan akan menjadi panduan secara berterusan sepanjang zaman. Oleh itu, masyarakat dan pemimpin perlu menekankan kepentingan pendidikan sebagai asas utama dalam membina masa depan yang lebih sejahtera dan berdaya saing.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang diaplikasikan adalah tinjauan lapangan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu penggunaan set soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui *google form.* Borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Menurut Mohd Majid Konting (2000), instrumen borang soal selidik adalah kaedah paling mudah dan cepat untuk memperoleh maklumat penyelidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk memahami perkara yang berkaitan dengan menyambung pengajian dalam kalangan generasi Z.

Sebanyak 30 set soalan telah diedarkan kepada sekumpulan pelajar sekolah di Selangor secara rawak bagi mendapat maklum balas awal. Soal selidik mempunyai pilihan jawapan berbentuk terbuka dan tertutup dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat lebih jelas daripada kalangan pelajar sekolah. Bagi bentuk terbuka, hal ini memberikan ruang kepada responden mengemukakan pendapat sendiri berdasarkan soalan yang dipaparkan, manakala bentuk tertutup adalah untuk memudahkan responden memilih jawapan yang telah disediakan dan tidak perlu mengambil masa yang lama untuk memikirkan jawapan dengan memilih satu daripada empat pilihan jawapan yang diberikan.

Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C merangkum dua objektif iaitu mengenal pasti faktor pemilihan pengajian dan mendalami cabaran yang akan dihadapi oleh generasi baru dalam menyambung pengajian.. Kajian ini memilih populasi dari kalangan pelajar sekolah kerana mereka akan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pembangunan soal selidik dan analisisnya merupakan ujian awal dalam kelas Kaedah Penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Soal selidik ini telah disahkan oleh pensyarah kursus, hasil pembelajaran dalam kelas.

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini dapat memberikan penjelasan berguna terutama dalam konteks menyambung pengajian dalam kalangan generasi baru. Dengan itu, maklum balas awal daripada pelajar yang ingin menyambung pengajian dalam kalangan generasi baru dapat dikumpulkan.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A

Jadual 1: Demografi Responden

Item	Perkara	Bilangan (N)	Peratus (%)
Umur	Tingkatan 1-3	3	10
	Tingkatan 4-5	27	90

Cita-Cita	Guru	12	40
	Pensyarah	4	13.33
	Peguam	2	6.67
	Marine Ecology Specialist	1	3.33
	Doctor	6	20
	Chef	1	3.33
	Jururawat	1	3.33
	Jurutera	1	3.33
	Akauntan	1	3.33
	Pegawai Penjara	1	3.33

Sumber: Edaran Soal Selidik Mac-Jun 2025

Berdasarkan jadual, majoriti responden 90% (27 orang) yang berumur 16 dan 17 tahun iaitu tingkatan 4 dan 5, dan diikuti 10% (3 orang). Hasil ini menunjukkan bahawa majoriti responden 90% seramai 27 orang dari kalangan murid tingkatan 4 dan 5 iaitu umur yang sangat sesuai untuk mereka menyambung pengajian selepas tamat persekolahan.

Bagi cita cita pula, sebanyak 40% (12 orang) responden menyatakan cita-cita mereka adalah guru diikuti oleh doktor sebanyak 20% (6 orang) responden, pensyarah sebanyak 13.33% (4 orang), peguam sebanyak 6.67% (2 orang) dan *Marine Ecology Specialist*, chef, jururawat, jurutera, akauntan dan pegawai penjara sebanyak 3.33% (1 orang).

Bahagian B

Jadual 2: Mengenal pasti faktor pemilihan pengajian dalam kalangan generasi baru

Bil	Soalan	Jawapan	Bilangan (N)	Peratus (%)
1	Siapakah yang mendorong anda untuk menyambung pengajian?	Ibu Bapa Kawan-kawan Pempengaruh Media sosial Guru	29 0 0 1	96.7% 0% 0% 3.3%
2	Mengapakah minat sendiri sangat penting dalam menyambung pengajian?	Supaya mudah difahami Rasa seronok apabila belajar Supaya tidak rasa terbeban Supaya tidak stres	8 14 7 1	26.7% 46.7% 23.3% 3.3%
3	Siapakah yang memberi wang kepada anda untuk menyambung pengajian?	Ibu Bapa Biasiswa PTPTN Duit sendiri	24 3 2 1	80% 10% 6.7% 3.3%
4	Apakah yang ditakuti oleh pelajar apabila menyambung pengajian?	Kejutan budaya Gagal dalam peperiksaan Duit belanja tidak mencukupi	10 12 6 1	33.3% 40% 20% 3.3%

		Tidak mempunyai kawan Tidak mampu menamatkan pengajian akibat terlalu stres	1	3.3%
5	Apakah penyebab seseorang merasakan tekanan apabila menyambung pengajian?	Tugasan yang banyak Kos pengajian yang tinggi Terlalu sibuk dengan aktiviti luar Banyak tertinggal pelajaran	16 9 4 1	53.3% 30% 13.3% 3.3%
6	Apakah pengaruh luaran yang boleh mempengaruhi keputusan seseorang untuk menyambung pengajian	Tekanan keluarga Persekitaran sosial Keadaan ekonomi	3 14 13	10% 46.7% 43.3%
7	Apakah tujuan anda menyambung pelajaran selepas SPM	Mendapat kerja pada masa hadapan Menambah ilmu	20 10	66.7% 33.3%
8	Apakah perasaan anda, sekiranya ditawarkan untuk menyambung pelajaran?	Takut Gembira Tidak berminat Pasrah	1 27 1 1	3.3% 90% 3.3% 3.3%
9	Apakah sebab seseorang itu tidak berminat untuk menyambung pengajian selepas SPM?	Kerja Ingin menjadi mempengaruh media sosial Tiada kawan	12 6 12	40% 20% 40%
10	Dimanakah tempat pengajian yang paling anda inginkan?	Universiti Malaya Universiti Utara Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia UIA UPSI Princeton University	10 1 16 1 1 1	33.3% 3.3% 53.3% 3.3% 3.3% 3.3%
11	Melanjutkan pengajian akan membuka peluang untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi?	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	9 7 5 3 6	30% 23.3% 16.7% 10% 20%
12	Saya akan menceburi bidang yang saya minati sahaja dalam pelajaran	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	5 7 9 5 4	16.7% 23.3% 30% 16.7% 13.3%
13	Kekangan kewangan menjadi halangan utama dalam memilih unversiti terbaik	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	7 5 10 7 1	23.3% 16.7% 33.3% 23.3% 3.3%
14	Pengaruh rakan-rakan, keluarga dan orang sekeliling sangat mempengaruhi saya dalam membuat keputusan untuk	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju	9 7 4 4	30% 23.3% 13.3% 13.3%

	menyambung pengajian	Sangat tidak setuju	6	20%
15	Minat dalam menyambung pengajian adalah satu perkara yang sangat penting untuk menyambung pengajian dan bukan secara paksaan	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	17 2 2 5 4	56.7% 6.7% 6.7% 16.7% 13.3%

Sumber: Edaran Soal Selidik Mac-Jun 2025

Berdasarkan jadual, kajian mendapati 96.7% responden menganggap ibu bapa sebagai pendorong utama dalam menyambung pengajian, menekankan pentingnya sokongan moral dan motivasi mereka. 46.7% responden turut menyatakan persekitaran sosial sangat berpengaruh apabila berada di tempat pengajian. Lebih 50% responden bersetuju bahawa pengaruh rakan-rakan, keluarga dan orang sekeliling sangat berpengaruh dalam membuat keputusan untuk menyambung pengajian dan 56.7% menunjukkan minat adalah satu perkara yang sangat penting untuk menyambung pengajian, dan bukan secara paksaan.

Dari segi minat dalam pemelajaran, 46.7% responden memilih rasa seronok belajar adalah faktor utama dalam mencapai kejayaan dalam pendidikan dan 90% responden berasa sangat gembira dapat melanjutkan pelajaran. Namun, kajian mendapati 40% responden paling takut akan gagal dalam peperiksaan apabila menyambung pengajian, sementara 53.3% pelajar merasakan bahawa tugasan yang banyak adalah penyebab utama tekanan semasa pengajian, sehingga mengakibatkan mereka takut untuk menyambung pengajian.

Seterusnya, tujuan responden menyambung pengajian adalah sebanyak 66.7% melakukannya untuk mendapatkan pekerjaan pada masa hadapan. Sungguhpun demikian, 40% responden tidak berminat untuk menyambung pengajian selepas SPM oleh atas faktor hendak bekerja dan tiada kawan.

Sebanyak 30% responden bersetuju bahawa melanjutkan pengajian akan membuka peluang untuk mendapatkan gaji lebih tinggi, manakala sebanyak 30% kurang bersetuju bahawa mereka akan menceburi bidang yang diminati sahaja dalam pelajaran. Sebanyak 53.3% responden memilih UKM sebagai tempat pengajian

impian mereka. Akan tetapi, kekangan kewangan menjadi halangan utama dalam memilih universiti terbaik dengan sebanyak 40% respoden memilih setuju dan sangat bersetuju. Bagi pembiayaan pengajian, 80% responden bergantung kepada ibu bapa dalam memberi sokongan kewangan sebagai salah satu sumber utama dalam menyambung pengajian.

Bahagian C

Jadual 3: Cabaran yang akan dihadapi oleh kalangan generasi baru dalam menyambung pengajian

Bil	Soalan	Jawapan	Bilangan (N)	Peratus (%)
1	Adakah anda berasa tertekan jika melanjutkan pengajian di Universiti?	Ya, pengajian di Universiti lebih mencabar berbanding sekolah	6	20%
		Ya, saya perlu menyesuaikan diri dengan cara pembelajaran baru	8	26.7%
		Tidak, kehidupan pembelajaran di universiti sangat seronok	3	10%
		Tidak, itu adalah satu proses pembelajaran yang biasa sebagai seorang pelajar	13	43.3%
2	Mengapakah pengurusan masa itu penting?	tidak tertangguh banyak tugasan	11	36.7%
		dapat menghantar tugasan pada masa yang tepat	3	10%
		dapat menyeimbangkan masa belajar dan aktiviti lain	16	53.3%
3	Apakah cabaran diri sendiri dalam menyambung pengajian?	Kurang bermotivasi untuk belajar	17	56.7%
		Merasakan kerja lebih utama dari menyambung pengajian	6	20%
		Tidak minat dalam menyambung pelajaran kerana tiada rasa ingin belajar	6	20%
		Terpengaruh dengan rakan yang tidak menyambung pengajian	1	3.3%
4	Apakah cabaran terhadap isu kewangan dalam menyambung pengajian?	Kos pengajian yang tinggi	8	26.7%
		Kos hidup yang meningkat	18	60%
		Kesukaran menyimpan wang	3	10%
		Suka membazir	1	3.3%
5	Apakah penyebab pelajar kekurangan wang?	Menggunakan duit untuk membeli buku mata pelajaran	7	20%
		Menggunakan duit untuk membeli barangan yang tidak bermanfaat seperti rokok, *vape* dan sebagainya Menggunakan duit untuk keluar bersama rakan-rakan Menggunakan duit untuk membeli barangan keperluan	16	50%
		Mengeluarkan duit kepada perkara yang tidak berfaedah	3	13%
			3	13%
			1	4%

6	Apakah pengaruh rakan sebaya yang paling berpengaruhi?	Pengaruh rakan yang suka mengejar populariti Pengaruh rakan yang suka mengulang kaji pelajaran Pengaruh dalam penggunaan teknologi dan media sosial	5 3 22	16.7% 10% 73.3%
7	Apakah masalah digital dalam pembelajaran?	Capaian Internet yang lemah Tidak mempunyai kemahiran digital yang mencukupi Peranti seperti *laptop*, telefon bimbit, tab yang tidak sesuai Terdedah kepada ancaman siber	20 3 5 2	66.7% 10% 16.7% 6.7%
8	Jika tidak ditawarkan asrama, apakah cabaran yang akan dihadapi untuk ke kelas?	Tiada pengangkutan sendiri Jarak yang jauh antara rumah dengan kelas Cuaca yang tidak menentu Keselamatan tidak terjamin	17 8 3 2	56.7% 26.7% 10% 6.7%
9	Apa yang akan anda lakukan jika menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri di universiti?	Berhenti belajar Mempelajari persekitaran baharu Memberitahu keluarga atau rakan terdekat Meminta bantuan dengan penasihat akademik	1 16 7 6	3.3% 53.3% 23.3% 3.3%
10	Apakah yang anda lakukan untuk memastikan kesihatan fizikal dan mental anda terjaga semasa belajar?	Tidur yang cukup Persekitaran yang positif Makan makanan yang sihat Mengatur masa dengan bijak	9 9 2 10	30% 30% 6.7% 33.3%
11	Persaingan antara pelajar memberi kesan yang sangat baik dalam akademik	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	7 7 9 3 4	23.3% 23.3% 30% 10% 13.3%
12	Persaingan adalah pendorong yang kuat untuk mencapai matlamat peribadi	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	3 11 9 4 3	10% 36.7% 30% 13.3% 10%
13	Lebih mengutamakan pembelajaran berbanding aktiviti luar	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	5 12 8 2 3	16.7% 40% 25.7% 6.7% 10%
14	Menjaga prestasi dalam akademik adalah untuk mendapatkan biasiswa semasa pengajian	Sangat setuju Setuju Kurang setuju Tidak setuju Sangat tidak setuju	18 4 1 3 4	60% 13.3% 3.3% 10% 13.3%

15	Proses menyesuaikan diri memerlukan masa dan kesabaran	Sangat setuju	13	43.3%
		Setuju	6	20%
		Kurang setuju	4	13.3%
		Tidak setuju	1	3.3%
		Sangat tidak setuju	6	20%

Sumber: Edaran Soal Selidik Mac-Jun 2025

Berdasarkan jadual, 43.3% merasa tidak tertekan apabila melanjutkan pengajian di universiti kerana mereka menganggapnya sebagai satu proses pembelajaran biasa bagi seorang pelajar. Pentingnya pengurusan masa, 53.3% responden memilih untuk menyeimbangkan masa antara belajar dan aktiviti lain. Dalam menghadapi cabaran diri, 56.7% responden menyatakan kurang bermotivasi untuk belajar sebagai halangan utama dalam menyambung pengajian. Oleh itu bagi memastikan kesihatan fizikal dan mental terjaga semasa belajar, 33.3% responden memilih untuk mengatur masa dengan bijak dan tidak membeli barangan yang tidak bermanfaat seperti rokok, *vape* dan sebagainya.

Berkaitan isu kewangan, 60% responden menganggap kos hidup yang meningkat sebagai cabaran utama yang akan dihadapi dalam pengajian. Selain itu, 53.3% responden mengakui bahawa mereka kekurangan wang kerana menggunakan duit untuk pelbagai keperluan.

Mengenai masalah digital dalam pembelajaran, 66.7% responden menghadapi masalah capaian Internet yang lemah sebagai cabaran utama. Begitu juga jika tidak ditawarkan asrama, 56.7% responden menyatakan bahawa tiada pengangkutan sendiri akan menjadi cabaran utama dalam menghadiri kelas.

Selanjutnya, 30% responden kurang bersetuju persaingan antara pelajar memberi kesan yang sangat baik dalam akademik. Sebanyak 36.7% bersetuju bahawa persaingan adalah pendorong yang kuat untuk mencapai matlamat peribadi, malah 60% sangat bersetuju dengan menjaga prestasi dalam akademik adalah untuk mendapatkan biasiswa semasa pengajian. Akhir sekali, sebanyak 43.3% responden sangat bersetuju dengan proses menyesuaikan diri memerlukan masa dan kesabaran apabila menyambung pengajian. Dalam menghadapi kesukaran menyesuaikan diri di universiti, 53.3% responden memilih bersedia untuk mempelajari persekitaran baharu.

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat pelbagai aspek yang boleh dianalisis secara mendalam termasuklah faktor pemilihan pengajian dan cabaran yang akan dihadapi generasi baru dalam menyambung pengajian.

Dalam konteks soalan satu Bahagian B, ibu bapa adalah pendorong utama bagi 96.7% responden untuk menyambung pengajian. Pelajar pada usia remaja menganggap bahawa ibu bapa merupakan *role model* dalam menentukan masa depan mereka (Nawabi et al, 2019). Ibu bapa bukan sahaja memberi dorongan untuk melanjutkan pengajian, tetapi mereka juga menginginkan yang terbaik untuk anak-anaknya supaya masa depan mereka terjamin. Kenyataan ini selari dengan dapatan soalan tujuh bahagian B daripada 66.7% responden bahawa salah satu faktor utama mereka menyambung pengajian adalah untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Malah 53.3% responden bersetuju bahawa melanjutkan pengajian akan membuka peluang lebih cerah untuk mendapatkan gaji lebih tinggi di alam pekerjaan (soalan 11 bahagian B).

Dalam hal ini, pendidikan dan kerjaya merupakan dua aspek yang penting yang berkait antara satu sama lain dengan kualiti hidup seseorang individu. Wujud kesedaran dalam diri pelajar tentang persaingan yang timbul dalam pasaran pekerjaan dan memahami bahawa kelayakan pendidikan dan skil lebih tinggi sering kali menjadi kriteria penting bagi majikan dalam memilih calon pekerja, seterusnya mampu mengubah taraf hidup seseorang. Ini berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi individu untuk berusaha bagi mendapatkan status sosial untuk taraf kehidupan yang lebih baik (Ramlah dan Mahani, 2002).

Dalam erti kata yang lain, ibu bapa perlu memainkan peranan untuk memastikan anak-anaknya menyambung pengajian, dan bukannya membiarkan anak membuat pilihan dangkal sendiri. Ada satu peristiwa di mana dua orang pelajar menarik diri daripada pengajian, hal ini kerana tidak ada gesaan daripada ibu bapa atau mereka membiarkan anak membuat keputusan cetek dengan alasan mudah anak sudah besar. Apabila seseorang menarik diri daripada pengajian, maka tempatnya tidak akan berganti dan merugikan orang lain yang sangat berhajat masuk universiti.

Guru-guru perlu lebih giat memainkan peranan untuk memastikan pelajar mendapat gambaran awal alam universiti yang menarik, membawa pelajar melawat universiti, dan bukannya mengeluh setiap kali bekerja. Guru adalah barisan kedua yang penting dalam memupuk minat pelajar untuk menyambung pengajian. Hasil kajian juga membuktikan bahawa rakan sebaya dan pempengaruh media sosial memberi manfaat dalam memupuk minat pelajar untuk menyambung pengajian. Ini mungkin perkara yang perlu difikirkan oleh seluruh *content creator* di Malaysia, biar hidup menyumbang kepada kemajuan anak bangsa, menggesa anak muda agar melanjutkan pengajian dan bukannya hidup menumpang di atas isu viral sahaja.

Buktinya, 46.7% responden berpandangan bahawa persekitaran sosial berpengaruh dalam membuat keputusan untuk menyambung pengajian. Dengan adanya persekitaran yang menitikberatkan ilmu pengetahuan, hal ini secara tidak langsung akan membekas dalam diri seseorang untuk terus menggali ilmu dan menambah ilmu pengetahuan pada tahap tertinggi (soalan 6 bahagian B). 53.3% responden juga bersetuju bahawa pengaruh keluarga dan orang sekeliling mampu mempengaruhi keputusan seseorang untuk menyambung pengajian (soalan 14 bahagian B). Demikian, ibu bapa, saudara taulan, guru, pempengaruh media sosial dan rakan sebaya perlu memainkan peranan ke arah ini, menggarap persekitaran berilmu, masyarakat yang sukakan ilmu dan bersedia untuk melanjutkan pengajian demi ilmu.

Seterusnya, sebanyak 56.7% responden dalam soalan 15 bahagian B sangat bersetuju bahawa minat dalam menyambung pengajian adalah satu perkara yang sangat penting dan bukan secara paksaan. Menyambung pengajian bukan sesuatu yang perlu dipaksa, tetapi perlu didorong oleh minat dan keinginan peribadi untuk terus menambah ilmu. Selain itu, minat yang tinggi dalam bidang pengajian juga akan memberikan kepuasan peribadi dan melahirkan rasa seronok, mudah difahami, seterusnya tidak mendatangkan sebarang tekanan ketika menyambung pelajaran sebagaimana dinyatakan oleh 46.7% responden (soalan 2 bahagian B). Dapatan ini selari dengan pendapat Aminuddin (2001) yang menyatakan bahawa kita hanya dapat mempelajari sesuatu dengan sempurna jika berminat mempelajarinya. Minat ini memberi daya rangsangan dan daya rangsangan inilah yang dinamakan motivasi.

Walau bagaimanapun, minat menurut pengkaji boleh dipupuk. Manusia pada dasarnya adalah perlu dipaksa dan diberikan kefahaman kenapa perlu melakukan sesuatu dan kenapa perlu meninggalkan sesuatu. Begitu juga umat Islam dipaksa oleh ibu bapanya untuk solat, beradab sopan dan belajar di sekolah setiap hari, dan itu bukan dibina atas dasar minat, tetapi dipacu aspek lebih besar iaitu tanggungjawab. Dalam Islam, setiap muslim memiliki tanggungjawab untuk menuntut ilmu dari kecil hingga tua. Jika sesuatu perkara misalnya menyambung pengajian atas dasar minat, maka ia adalah bonus. Jika sebaliknya, maka menjadi tanggungjawab seseorang untuk belajar dan mentaati ibu bapanya yang menyuruh anaknya supaya belajar.

Bahkan dalam soalan 12 bahagian B, para responden sedar bahawa minat sahaja tidak akan membantu untuk menyambung pengajian dan di alam pekerjaan kelak dengan lebih 59% responden. Hal ini perlu berpijak pada realiti di mana pemilihan tempat pengajian dan pekerjaan adalah bergantung kepada banyak aspek, misalnya keputusan peperiksaan, bidang pengajian dan rezeki yang sedia tertulis di *Luh Mahfuz*. Minat atau tidak bukan persoalan utama di sini, melainkan tanggungjawab sebagai seorang manusia untuk menghiasi diri dengan ilmu bagi melayakkan menjadi seorang manusia.

Dalam soalan 8 bahagian B, majoriti 90% responden berasa gembira jika ditawarkan menyambung pengajian ke tahap lebih tinggi. Ini membuktikan bahawa naluri untuk belajar adalah fitrah semua manusia. Apa yang tinggal lagi adalah seseorang itu bersedia secara mental, fizikal dan kewangan serta mempunyai gambaran alam universiti untuk membolehkannya meneruskan kegembiraan tersebut.

Dari segi kekangan untuk menyambung pengajian, 60% responden memilih kerja dan ingin menjadi pempengaruh media sosial sebagai alasan tidak berminat menyambung pengajian. Ada juga 40% yang menyatakan tiada kawan sebagai alasan tidak mahu menyambung pengajian (soalan 9 bahagian B). Hal ini boleh ditafsirkan akibat beberapa faktor, antaranya faktor keluarga, penggunaan media sosial berlebihan dan berfikiran singkat. Justifikasi tiada kawan adalah alasan budak bermasalah dan tidak berminat dengan sesuatu, sedangkan kawan-kawan akan bersilih ganti. Pada masa muda, mungkin kawan adalah ikutan sejati, namun bila beranjak dewasa, kawan adalah pengaruh kecil dalam hidup yang tidak banyak memberi erti berbanding keluarga.

Adapun atas alasan kerja, mungkin hal ini boleh dipertimbangkan lagi di mana pekerjaan boleh dilakukan ketika belajar pun. Kalaupun seseorang bekerja selepas SPM, taraf gaji dan kelayakan akan sangat rendah, berbanding lepasan sarjana muda. Menurut 53.9% responden, kekangan kewangan bukanlah satu masalah besar pada hari ini (soalan 13 bahagian B). Banyak bantuan dicipta untuk membantu menyambung pengajian dengan zakat, bantuan siswa dan pinjaman. Kerajaan juga sudah menghadkan bayaran kurang RM1500 bagi pendaftaran universiti. Sungguhpun ada 20% responden yang risau duit belanja tidak mencukupi (soalan 4 bahagian B), pihak universiti misalnya UKM memiliki Pusat Islam yang boleh membantu dengan bantuan zakat segera hasil dari potongan bulanan warga UKM. Jika tidak layak, kebanyakan pelajar UKM didapati banyak melakukan *part time* di kedai-kedai sekitar Bangi untuk menambah wang saku. Pelajar juga boleh memasuki badan beruniform seperti Palapes dan Suksis yang menyediakan makanan dan elaun latihan.

Lebih utama, manusia dicipta mudah menerima ilmu ketika masih muda dan masa itulah paling bermanfaat untuk mencari ilmu. Duit dirham dan dinar akan datang dan pergi, sedangkan ilmu kekal abadi. Seterusnya pada yang memberi alasan ingin menjadi pempengaruh (*influencer*), hal ini juga sama seperti kerja. Bahkan pempengaruh yang baik adalah mereka yang berilmu dan menggunakannya untuk terus kekal relevan sebagai pempengaruh. Berapa banyak pempengaruh yang muncul akibat satu aksi viral atau prank bodoh dan kemudiannya tenggelam dek akhlak buruk. Ia bukan sahaja menjatuhkan maruah, memalukan keluarga dan menonjolkan kedangkalan dalaman seseorang yang hauskan ilmu.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai kerisauan dan cabaran yang difikirkan oleh generasi muda untuk meneruskan pengajian yang memerlukan persiapan rapi dari segi mental, emosi dan kewangan. Menurut 73.3% responden, apa yang paling ditakuti untuk menyambung pengajian adalah kejutan budaya dan gagal dalam peperiksaan (soalan 4 bahagian B). 53.3% responden juga berpandangan bahawa tugasan terlalu banyak boleh menyebabkan tekanan (soalan 5 bahagian B). Sungguhpun demikian, hal kejutan budaya dan kegagalan adalah berpunca daripada kawalan dalaman pelajar itu sendiri. Ini boleh diatasi dengan konsep *mentor mentee*, mempelajari persekitaran baharu (soalan 9 bahagian C) dan pengurusan masa yang baik oleh pelajar. Malah lebih 70% responden bersetuju bahawa proses menyesuaikan

diri memerlukan masa dan kesabaran (soalan 15 bahagian C). Tugasan juga adalah benda biasa dalam pengajian dan hal ini melatih minda seseorang untuk menganalisis isu dan konsep ilmu yang berguna dalam kehidupan sebagai seorang pelajar.

Menurut 53.3% responden, pengurusan masa yang efektif dapat menyeimbangkan tuntutan pelajaran dan aktiviti lain (soalan 2 bahagian C). Kemampuan untuk menguruskan masa dengan baik adalah kunci untuk menyeimbangkan antara masa belajar dan aktiviti lain. Pengurusan masa yang efektif membolehkan pelajar merancang jadual harian mereka, memastikan mereka dapat memenuhi tuntutan akademik tanpa mengabaikan kesejahteraan peribadi, aktiviti kokurikulum atau kehidupan sosial. Dengan disiplin yang tinggi dalam pengurusan masa, pelajar dapat mengurangkan tekanan dan meningkatkan produktiviti dalam menghadapi cabaran akademik dan kehidupan seharian di universiti.

Dari sudut kos pengajian, 30% responden ada menyatakan kebimbangan terhadap hal ini, bahkan boleh mengakibatkan tekanan (soalan 5 bahagian B). 60% responden juga bimbang terhadap kos hidup yang meningkat (soalan 4 bahagian C). Sepertimana yang dihuraikan sebelum ini, banyak bantuan yang disediakan oleh pelbagai pihak. Menurut kajian oleh Nur Jam'aturahmah (2015), kos pengajian menjadi sebab utama para pelajar membuat penilaian dengan teliti dan membuat keputusan bersesuaian dengan tahap ekonomi keluarga. Sekiranya ibu bapa mempunyai pekerjaan yang baik dan mampu menyediakan keperluan asas untuk ahli keluarga, pastinya anak-anak akan membuat pilihan melanjutkan pengajian dengan lebih selesa dan yakin. Dunia yang semakin kompetitif ini memerlukan generasi muda untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang relevan bagi menghadapi cabaran-cabaran baru.

Sebanyak 56.7% responden dalam kajian ini (soalan 3 bahagian C) menyatakan bahawa kurang motivasi untuk belajar merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam menyambung pengajian. Hal ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada pelajar mengalami kesukaran dalam mengekalkan semangat dan keinginan untuk belajar, walaupun mereka mengetahui kepentingan pendidikan untuk masa depan. Dalam hal ini, generasi Z perlu lebih mandiri dan menguatkan tekad untuk menyambung pengajian dan bukannya menjadi generasi yang lemah,

lembik dan mahukan semuanya dengan jalan mudah.

Seterusnya, cabaran yang sering kali pelajar fikirkan semasa menyambung pengajian ialah masalah digital. 66.7% responden melaporkan bahawa capaian internet yang lemah menjadi isu utama (soalan 7 bahagian C). Sungguhpun demikian, hanya 26.7% responden memilih aspek kemahiran digital dan ketiadaan peranti elektronik sesuai. Ini secara sebaliknya membuktikan bahawa generasi Z tidak mempunyai masalah besar dari sudut keupayaan kemahiran ICT dan akses kepada peranti.

Hanya masalah besar seperti capaian internet lemah yang memberi kesan besar kepada proses pembelajaran, terutamanya dalam situasi pembelajaran dalam talian yang semakin menjadi norma. Pelajar yang menghadapi masalah ini mungkin sukar mengakses bahan pembelajaran, menghadiri kuliah dalam talian, atau berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas. Oleh itu, isu capaian internet yang tidak stabil atau terhad boleh menjejaskan kualiti pembelajaran dan prestasi akademik pelajar secara keseluruhan. Hal ini akan menjejaskan prestasi pelajar untuk kekal konsisten dalam pembelajaran untuk mendapatkan biasiswa bagi menampung kos pembelajaran dan sara hidup.

Ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa sebanyak 60% responden menyatakan kos sara hidup yang meningkat menjadi salah satu cabaran dalam menyambung pengajian dan prinsip mereka yang tidak mahu membebankan ibu bapa. Namun terdapat segelintir pelajar (50%) yang menyalahgunakan wang yang diberi oleh ibu bapa kepada perkara yang tidak bermanfaat seperti membeli rokok, *vape* dan sebagainya yang menyebabkan mereka sentiasa kekurangan wang (soalan 5 bahagian C).

Melalui hasil tinjauan ini, dapat dilihat bahawa generasi baru mempunyai kesedaran yang tinggi akan pentingnya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, meskipun terdapat kemungkinan pelbagai cabaran yang perlu dihadapi. Antara faktor utama yang mendorong mereka menyambung pengajian adalah kerana dorongan daripada ibu bapa serta harapan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik pada masa akan datang. Namun terdapat juga cabaran yang dapat menghalang

impian dan cita-cita tersebut. Justeru, pihak berwajib perlu mengambil inisiatif bagi membantu pelajar dalam menghadapi cabaran ketika menyambung pengajian dengan meningkatkan sokongan kewangan, memberikan sokongan emosi dan kesihatan mental serta meningkatkan akses dan kualiti teknologi agar dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berpendidikan.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau gambaran awal bagi persepsi pelajar terhadap keputusan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mendorong dan cabaran yang dihadapi oleh generasi muda dalam perjalanan akademik. Berdasarkan data yang diperoleh melalui soal selidik rintis, dorongan daripada ibu bapa serta keinginan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan berpendapatan tinggi merupakan faktor utama yang mendorong pelajar untuk melanjutkan pengajian. Menurut Nawi dan Anuar (2023), ibu bapa yang menaruh harapan tinggi kepada anak-anak, mengambil minat dan menggalakkan mereka untuk bekerja keras demi mencapai kejayaan pada masa akan datang. Selain itu, kebanyakan responden mengakui bahawa pendidikan tinggi memberikan mereka peluang lebih luas dalam pasaran pekerjaan, sekali gus meningkatkan kualiti hidup dan kestabilan kewangan di masa depan.

Namun begitu, kajian ini juga mendapati bahawa kurangnya motivasi diri merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam meneruskan pengajian mereka. Sebilangan besar pelajar melaporkan kerja lebih utama berbanding sambung pengajian, tidak bersemangat untuk belajar terutamanya apabila berdepan dengan beban akademik yang lebih mencabar. Faktor seperti kurangnya sokongan emosi, beban kewangan dan tekanan persekitaran juga memainkan peranan dalam menurunkan motivasi. Oleh itu, cabaran ini menghalang mereka daripada mencapai potensi penuh dalam pengajian dan menjejaskan kesejahteraan mental.

Impak kajian ini dapat meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya pendidikan tinggi dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam generasi muda. Ia dapat mencetuskan perbincangan lebih lanjut mengenai bagaimana masyarakat dan kerajaan boleh bekerjasama untuk memastikan lebih ramai pelajar dapat melanjutkan pengajian tanpa sebarang halangan.

Secara keseluruhan, meskipun generasi muda mempunyai matlamat yang jelas untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya melalui pendidikan, mereka juga berdepan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani. Justeru, sokongan daripada institusi pendidikan, keluarga, dan masyarakat amat penting bagi membantu pelajar mengatasi cabaran motivasi ini dan terus berusaha mencapai impian mereka.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan berterusan dalam menjayakan inisiatif penyelidikan dan penulisan ilmiah ini. Ucapan terima kasih khusus juga ditujukan kepada Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, atas kemudahan, bimbingan akademik serta persekitaran penyelidikan yang kondusif yang telah banyak membantu dalam penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

‘Abdul Lathif al-Ajlan. 2006. *Rambu-Rambu Pemukulan dalam Pendidikan Anak*. Lisaanul, Arob II/304. Bogor: Pustaka Ulil Albab. Hlm. 7.

Abdul Hamid Abdul Rahim, Norzaini Azman & Norhatiah Mohd Majzub. 2013. Pelajar generasi pertama sebagai sumber manusia: Motivasi dan aspirasi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT): 203-232.

Abdullah Basmeih. 2008. *Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Akhsanul In’am, Noor Shah Saad & Sazelli Abdul Ghani. 2023. Pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Metakognitif. Vol 2, No. 1.

Engle, J., Bormeo, A., O’Brien. 2006. Straight from the source: What works for first generation college students. Texas: The Peel Institute for the Study of Opportunity in Higher Education: 13-26.

Hani Nazirah Mahdi & Nor Hayati Sa’at, Roslina Ismail. 2024. Antara Kerjaya dengan Melanjutkan Pengajian: Pilihan Pelajar-Pelajar di Johor Bahru.

Johanna E. Nieuwoudt & Megan L. Pedler. 2021. Student Retention in Higher Education: Why Students Choose to Remain at University. Vol. 25 Issue 2.

Kementerian Pendidikan Tinggi Putrajaya , Laporan Pengesanan Graduan 2023.

Lane Perry, Krystina R. Stoner, Lee Stoner, Daniel Wardsworth, Rachel Page & Michael A. Tarrant. 2013. The Importance of Global Citizenship to Higher Education: The Role of Short-Term Study Abroad. 3 (2): 184-189.

Li, J., Xue, E., Wei, Y. et al. How popularising higher education affects economic growth and poverty alleviation: empirical evidence from 38 countries. Humanit Soc Sci Commun 11, 520 (2024).

Liew Ying Ying. 2023. Critical Factors for Generation Z Intention to Pursue Higher Education. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Perniagaan Antarabangsa, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia.

Lorenz S Neuwirth, Sveltlana Jovic & B Runi Mukherji. 2021. Reimagining Higher Education during and Post-COVID-19: Challenges and Opportunities. Vol 27(2) 141-156.

Mc. Leod. 1989. dalam Muhibbin Syah, *Psikologi Pendidikan*, hlm.10.

Michael Osborne. 2024. The Benefits of University Adult Learning. 395-409.

Mohd Ridzuan Naemat, Mohd Nor Khairil, Mohd Radzuan Harun, Azhar Ahmad, Lokhman Hakim Osman. 2017. Faktor pendorong yang mempengaruhi keputusan malanjutkan pengajian ke institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kalangan Staf Kerajaan dan Swasta: 59-65.

Narcisz Kulcsar. 2020. Motivation Factors for Generation in Higher Education. Motivation- Factors-for-Generation-Z-in-Higher-Education.pdf

Nor, M. M. M., Sukimi, M. F., & Nor, M. N. M. 2018. Kesedaran Pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space,* 14(1), 72-86.

Nur Jam'aturahmah Mohamed Nawawi. 2015. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi: Kajian di KUIN. Sarjana, Universiti Utara Malaysia: 20-30.

Sheron Baumann & Imke Keimer. 2023. Individual Benefits of Continuing Higher Education. The Case of a Swiss Business School. Vol. 29(2) 343-359.

Shubham Joshi et al. 2021. Evaluating Artificial Intelligence in Education for Next Generation.https://iopscience.iop.org/article/10.1088/17426596/1714/1/012039/pdf.

Zainudin Abu Bakar, Fazilah Binti Tumin. Hubungan Antara Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar Program Sarjan Muda Sains serta Pendidikan (Matematik) dan Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: 1-11.